**KOPERASI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD (4806)**
**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA,**
**11800 PULAU PINANG, MALAYSIA.**
**Emal: usmcoop@kusmb.com no Tel: 04-657 9037**

**Unit Perhubungan dan Latihan Industri ( UPLI )**
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB)

**Tuan/Puan,**

**PERMOHONAN UNTUK PENGAMBILAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI BAGI PROGRAM DIPLOMA PEMASARAN , DIPLOMA PERAKAUNAN DAN DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa syarikat kami, Koperasi Universiti Sains Malaysia Berhad, ingin menawarkan peluang latihan industri kepada pelajar dari Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB)) bagi program Diploma Pemasaran dan Diploma Perakaunan dan Diploma Pengajian Perniagaan.
3. Tujuan utama kami adalah untuk memberikan pendedahan kepada pelajar terhadap suasana kerja sebenar di industri, selain memberi peluang kepada mereka untuk mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari sepanjang pengajian. Kami percaya kerjasama ini juga dapat membantu dalam pembangunan modal insan yang berkualiti.
4. Berikut adalah maklumat ringkas berkaitan tempat latihan industri:

**Nama Syarikat** : Koperasi Universiti Sains Malaysia Berhad
**Lokasi** : Pejabat Koperasi Universiti Sains Malaysia Berhad, Minden, Pulau Pinang / Kedai buku KUSMB Kepala Batas Pulau Pinang
**Bidang Berkaitan** : Diploma Pemasaran dan Diploma Perakaunan dan Diploma Pengajian Perniagaan
**Elaun** : RM 250.00 sebulan

5. Kami amat mengalu-alukan sekiranya pihak politeknik dapat menyalurkan nama pelajar yang berminat untuk menjalani latihan industri di syarikat kami. Sebarang pemohonan boleh di emelkan ke usmcoop@kusmb.com .
6. Kerjasama dan sokongan pihak tuan/puan amat kami hargai.

Sekian, terima kasih

Yang benar,

____________________________

Assoc. Prof. Dr. Anees Janee B. Ali @ Hamid
School of Management
11800 USM, Penang

PROFESSOR MADYA DR ANEES JANEE BIN ALI @ HAMID
ALK SUMBER MANUSIA
KOPERASI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**KOPERASI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BERHAD (4806)**
**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA,**
**11800 PULAU PINANG, MALAYSIA.**
**Emal: usmcoop@kusmb.com no Tel: 04-657 9037**